

From: Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Sent: Thursday, May 3, 2018 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Badariah binti Haji Din; Dr. Aminurraasyid Bin Yatiban
Subject: Kisah Menyayat Hati Terkorban Seorang Pakar Kejuruteraan Islam di Malaysia



INSTITUTE OF EXCELLENCE FOR
ISLAMICJERUSALEM STUDIES
Universiti Utara Malaysia



3 MAY 2018 |17 SYAABAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IEIJS ONLINE (2 Mei 2018) – Susulan Pembunuhan seorang saintis muda Palestin, Dr Fadi Albatsh di Gombak menjelang waktu subuh pada 21 April 2018, Sabtu yang lalu nyata menggemparkan bukan sahaja di Malaysia malah negara-negara Islam seluruh dunia. Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS) telah menjalankan program ceramah khas *Brutality Beyond Boundaries : In Remembrance Of Dr. Fadi Al-Batsh* di Pusat Konvensyen, UUM. Seramai 60 orang peserta telah hadir.

Dr Fadi Al-Batsh merupakan tokoh muda yang dihormati dalam kalangan diaspora Palestin di seluruh dunia tetapi tidak ramai orang Malaysia tahu mengenainya. Seorang teknokrat berusia 35 tahun. Berasal dari Jabaliya, Gaza. Pensyarah di UniKL. Beliau juga seorang pakar kejuruteraan elektrik dalam penghasilan roket telah menetap di Malaysia sejak enam tahun lepas. Beliau juga sering terlibat dalam aktiviti

NGO di Malaysia menanam kesedaran mengenai isu-isu Palestin dan konflik Asia Barat dan dijemput menjadi imam di masjid-masjid seluruh negara.

Program ini telah berjaya memberi pendedahan tentang strategi agresif dan tindakan kejam rejim Israel bukan sahaja di bumi Palestin yang dijajah malah memburu individu rakyat Palestin yang berpengaruh di seluruh dunia dengan menggunakan agen mereka di pelbagai negara. Hal ini boleh menimbulkan ancaman keselamatan tanpa batasan termasuk ke atas kedaulatan tanah air yang tercinta.

"His very humble and friendly man," ujar daripada penceramah jemputan Abu Ayyesh Al-Najar juga 'mantan Pegawai dan Penterjemah Perdana Menteri Palestin.

Pengarah IEIJS, Dr. Aminurrasyid Yatiban juga menjadi moderator untuk program ini bagi mengupas dan perkongsian fakta di sebalik kejadian.

Turut hadir sama dalam majlis ilmu ini Dekan Ghazali Shafie Graduate School, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah.

=====

Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), UUM
COLGIS
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel: (604) 928 7770/7769/7766
Fax: (604) 928 7799
ieijs@uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.